

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]**

**SOALAN NO. 309**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diberikan sejak 2010 kepada hospital daerah khususnya Hospital Daerah Bau dan Lundu yang serba kekurangan dari segi kemudahan asas Perubatan dan bukan Perubatan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Bermula daripada tahun 2012, Hospital Bau telah menerima peruntukan sebanyak RM1,160,667.00. Manakala, Hospital Lundu telah menerima sebanyak RM715,766.00. Keseluruhan peruntukan yang telah diterima bagi kedua-dua hospital ini adalah sebanyak RM1,876,433.00 Peruntukan yang diterima ini adalah bagi tujuan naiktaraf perkhidmatan hemodialisis, naiktaraf, ubahsuai dan pembaikan fasiliti, pembelian peralatan perubatan, bukan perubatan dan kenderaan serta pembelian ambulans.

Sekian, terima kasih.